

# Kesenian Borneo dominasi MAHAKARYA ASTiF

UB 03.07.2022 P.08

**KOTA KINABALU:** Sebanyak 500 karya berteraskan kesenian Borneo dipamerkan pelajar tahun tiga Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam program MAHAKARYA 2022.

Program yang berlangsung bermula 12 Jun sehingga 1 Julai 2022 menghimpunkan pelbagai bidang seperti seni suara, seni tari, seni lakon, animasi, penulisan, penerbitan, seni muzik, seni lukis, seni catan, filem dan video.

Majlis perasmiannya disempurnakan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan di Dewan Resital ASTiF, di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Dekan ASTiF, Prof. Madya Dr. Zairul Anwar Md Dawam.

“Saya percaya, terdapat banyak bakat seni dan kreatif dalam kalangan pelajar yang sebelum ini kurang ditonjolkan kerana kekurangan medan atau pentas sesuai,” katanya.

Dalam pada itu, sebanyak lima kategori anugerah turut disampaikan pada majlis tersebut.

Bagi kategori Anugerah Opera (Teater), Chingstage Production muncul sebagai penerima Anugerah Produksi



**KENANGAN:** Gambar kenangan sempena MAHAKARYA ASTIF 2022.

Terbaik Festival Teater Opera 8.0.

Kategori Anugerah Kontra-Kontemporari Tradisional (Tari) pula menyaksikan Faridul Hakim dinobatkan sebagai penerima Anugerah Koreografer Terbaik.

Anugerah Animasi Terbaik dan Anugerah Cetakan Lino Terbaik bagi kategori Matrix (TSV) masing-masing dimenangi Yudas Kristo James Katulai dan Cristhiee Shenna Chin.

Sementara itu, bagi kate-

gori Anugerah Adikarya (Penulisan), Ruzerayati Aling dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Tesis Terbaik, manakala Muhammad Mohd Yusof muncul sebagai pemenang Anugerah Novel Terbaik.

Rexynoell James Gerard dan Kristy Samunting pula masing-masing mencatat nama sebagai penerima Anugerah Gubahan Orkestra Terbaik dan Anugerah Persembahan Terbaik Alat Muzik Utama (Vokal).